

UMS bangun projek mini loji air di Pitas

DE 21.02.2020 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) akan membangunkan projek mini loji rawatan air di Kg Mengkapon, Pitas.

Ketua Projek Prof. Dr. Kawi Bidin berkata, projek pembangunan mini loji itu memerlukan kira-kira setahun untuk siap sepenuhnya.

“Ia menggabungkan kepakaran tenaga akademi FSSA UMS dari pelbagai bidang

antaranya hidrologi, geologi, reka bentuk, kualiti air, dan elektronik serta automasi,” katanya dalam satu kenyataan.

Projek yang dianugerahkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) kepada Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah tersebut dibangunkan dengan bantuan tenaga kepakaran dari FSSA UMS melalui geran Malaysian Social Innovation (MySI).

Dr. Kawi berkata, sistem Tagal yang

diamalkan komuniti di sini, menyebabkan beliau serta seluruh ahli pasukan optimis menjayakan loji rawatan air mini berkenaan.

“Tanpa penglibatan dan kerjasama semua pihak, projek ini tidak mampu dijayakan,” katanya.

Terdahulu, pada Isnin lepas (17 Februari), Dekan FSSA UMS, Prof. Dr. Baba Musta telah merasmikan upacara pecah tanah dan majlis meletakkan mercu tanda projek di kampung terbabit.

Dr Baba mengucapkan terima kasih kepada MESTECC atas keprihatinan kementerian itu terhadap masalah penduduk terlibat.

“Saya juga juga berbangga kerana Baitulmal Sabah memberikan kepercayaan kepada FSSA menjayakan projek ini.

“Kami akan memastikan projek ini dilaksanakan dengan jayanya,” katanya.

Kemuncak acara itu menyaksikan kakitangan UMS, Bernas, alumni UMS dan individu menyampaikan sumbangan dalam bentuk barang keperluan dapur kepada penduduk kampung.